

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 116

ARKIB NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN

PERMULAAN

I. Gelaran pendek

BAHAGIAN II

TAFSIRAN

2. Tafsiran

BAHAGIAN III

PENUBUHAN DAN PENGURUSAN ARKIB NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Penubuhan Arkib Negara Brunei Darussalam
4. Pengurusan Arkib oleh Pengarah dan kuasa-kuasa Pengarah
5. Lembaga Penasihat
6. Pengarah boleh bertindak menentang Lembaga Penasihat
7. Lantikan Pegawai-pegawai

BAHAGIAN IV

REKOD-REKOD AWAM

8. Pemindahan rekod-rekod awam ke Arkib Negara Brunei Darussalam
9. Rekod-rekod awam hendaklah diserahkan apabila dipinta

10. Tiada seorang pegawai pun dalam mana-mana pejabat Kerajaan boleh memusnahkan atau membuat apa sahaja kepada rekod-rekod awam tanpa kebenaran Pengarah
11. Pemusnahaan rekod-rekod awam
12. Orang ramai boleh melihat arkib kerajaan
13. Salinan yang diakui bagi rekod-rekod awam
14. Mewakilkan kuasa Pengarah
15. Penerbitan arkib kerajaan
16. Larangan terhadap pengeksportan rekod-rekod awam dan arkib kerajaan
17. Peraturan-peraturan
18. Hukuman-hukuman
19. Penyata Tahunan.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4

PENG. 116

Arkib Negara Brunei Darussalam

AKTA ARKIB NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

21 hukum 1975. Satu Akta untuk mengadakan syarat-syarat bagi penyimpanan dan pemeliharaan arkib Kerajaan dan rekod-rekod awam Negara Brunei Darussalam dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

S.129/81

Permulaan kuatkuasa : 1hb Ogos 1981

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Golongan pendek
1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Arkib Negara Brunei Darussalam.

BAHAGIAN II

TAFSIRAN

Tafsiran
2. Dalam Akta ini, kecuali jika kandungannya berkehendakkan makna yang lain—

“Pengarah” bermakna seseorang yang dilantik di bawah bab 4(I);

“Arkib Negara Brunei Darussalam bermakna Arkib Negara bagi Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan di bawah Akta ini;

“arkib kerajaan” bermakna—

(a) rekod-rekod awam

(i) yang lebih dari dua puluh lima tahun lamanya;

- (ii) yang ditentukan oleh Pengarah sebagai yang mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang abadi atau kedua-duanya ; dan
- (iii) yang telah dipindahkan ke Arkib Negara Brunei Darussalam atau mana-mana tempat sebagaimana yang Pengarah boleh dari masa ke semasa mengarahkan ; dan

(b) sebarang dokumen, buku atau bahan lain yang diperlombagi Arkib Negara Brunei oleh Pengarah ;

"rekod-rekod awam" bermakna kertas-kertas, dokument-dokumen, rekod-rekod, daftar-daftar, bahan cetakan, buku-buku, peta-peta, pelan-pelan, lukisan-lukisan, gambar foto-gambar foto, filem-filem kecil (microfilms), alat wayang gambar (cinematograph), filem-filem, rakaman-rakaman suara dari apa jenis jua pun, yang diterima atau dikeluarkan secara rasmi oleh mana-mana pejabat Kerajaan kerana melakukan urusan-urusannya atau oleh mana-mana pegawai atau pekerja pejabat Kerajaan semasa menjalankan kewajipan-kewajipan rasminya.

BAHAGIAN III

PENUBUHAN DAN PENGURUSAN ARKIB NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3. Maka adalah dengan ini ditubuhkan Arkib Negara Brunei Darussalam di dalam mana hendaklah disimpan dan dipelihara arkib Kerajaan.

Penubuhan
Arkib Negara
Brunei
Darussalam

4. (1) Arkib Negara Brunei Darussalam hendaklah diuruskan dan dikawal oleh Pengarah yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Di-Pertuan ; dan bagi maksud pengurusan dan pengawalan itu maka adalah menjadi kewajipan Pengarah —

Pengurusan
Arkib oleh
Pengarah dan
kawas-kawas
Pengarah.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- (a) untuk memperbaikkan dan mengatur semua arkib kerajaan;
- (b) untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi penyelidikan dan rujukan;
- (c) tertakluk kepada syarat-syarat dan penentuan-penentuan yang mengenai mana ianya diperolehi untuk membuat salinan atau menyatakan apa jua arkib Kerajaan;
- (d) untuk memeriksa sebarang rekod dalam simpanan pejabat Kerajaan dan untuk menasihatkan pejabat itu tentang penjagaan dan penyimpanan rekod-rekod tersebut;
- (e) untuk menerima dan memelihara apa jua rekod yang dipindahkan ke Arkib Negara Brunei Darussalam;
- (f) atas permintaan dari mana-mana ketua pentadbir sesebuah pejabat Kerajaan, untuk mengembalikan kepada pejabat itu dalam tempoh yang boloh disetujui di antara Pengarah dan ketua pentadbir itu dan tertakluk kepada penentuan-penentuan yang Pengarah boloh menetapkan, rekod-rekod Kerajaan yang telah dipindahkan dari pejabat itu Ke Arkib Negara Brunei Darussalam;
- (g) untuk memperolehi dengan jalan membeli, menderma, mewasiatkan atau dengan jalan lain apa jua dokumen, buku atau bahan lain yang pada pendapat Pengarah adalah atau mungkin mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang abadi; dan
- (h) untuk menunaikan tugas-tugas lain yang perlu bagi maksud pengurusan dan pengawalan tersebut.

(2) Peruntukan-peruntukan perenggan (f) dari ceraian (1) tidak boleh dianggap sebagai mengkehendaki Pengarah untuk mengembalikan apa jua rekod Kerajaan yang keadaannya tidak membolehkan pemindahannya keluar dari Arkib Negara Brunei Darussalam.

(3) Tiada sebarang apa pun di dalam bab ini akan dianggap membenarkan Pengarah untuk memeriksa kandungan-kandungan mana-mana rekod Kerajaan yang rahsia atau sulit, kecuali dengan persetujuan ketua pentadbir pejabat kerajaan yang menyimpannya.

5. (1) Bagi maksud menasihatkan Pengarah tentang menjalankan tugas-tugasnya di bawah Akta ini, maka hendaklah dijadakan satu Lembaga Penasihat yang terdiri dari Pengarah selaku Pengerusi dan seramai lima orang ahli lain yang akan dilantik oleh Menteri.

Lembaga
Penasihat

(2) Lembaga itu hendaklah menasihatkan Pengarah tentang perkara-perkara yang Pengarah boleh dari masa ke semasa merujukkan kepadanya dan tentang perkara-perkara sedemikian yang Lembaga itu mungkin memikirkannya patut.

(3) Seramai tiga orang ahli Lembaga itu akan merupakan cukup bilangan (quorum).

(4) Lembaga itu hendaklah menentukan peraturan-peraturannya sendiri.

6. Pengarah boleh, setelah berunding dengan Menteri, bertindak menentang nasihat yang diberikan kepadanya oleh Lembaga Penasihat, jika dalam apa jua perkara dia memikirkannya patut untuk berbuat demikian; tetapi dalam hal sedemikian—

Pengarah
boleh
berlinduk
menentang
Lembaga
Penasihat

(a) dia hendaklah mencatatkan dengan sepenuhnya secara bertulis, untuk dimasukkan kedalam minit-minit mesyuarat Lembaga Penasihat itu, alasan-alasan dan sebab-sebab bagi tindakannya itu; dan

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

8

PENC. 116

Arkib Negara Brunei Darussalam

(b) adalah berhak bagi mana-mana ahli Lembaga Penasihat untuk mengkehendaki supaya dicatatkan di dalam minit-minit tersebut tadi apa jua nasihat atau pendapat yang mungkin telah ia berikan terhadap soal yang dalam pertelingkahan itu, serta alasan-alasan baginya.

Lembituan
Pegawai
perwuri

7. Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh dari masa ke semasa melantik pegawai-pegawai yang perlu untuk membantu Pengarah bagi menjalankan tugasnya di bawah Akta ini.

BAHAGIAN IV

REKOD-REKOD AWAM

Pemindahan
rekod-rekod
awam ke
Arkib Negara
Brunei
Darussalam

8. (1) Apa jua rekod awam yang lebih dari dua puluh lima tahun lamanya, dan apa jua rekod awam yang lampau yang mana pada pendapat Pengarah mempunyai nilai yang mencukupi untuk mematutkan pemeliharaannya, hendaklah dipindahkan ke Arkib Negara Brunei Darussalam.

(2) Maka adalah sah bagi Pengarah untuk menangguhkan pemindahan apa jua rekod awam ke Arkib Negara Brunei Darussalam jika ia berpuas hati bahawa oleh sebab jenis rekod-rekod itu maka pemindahan serta-merta akan dengan tidak sepatutnya menyentuh pentadbiran mana-mana perkhidmatan awam atau tidak akan mendatangkan faedah kepada orang ramai.

Rekod-rekod
awam
hendaklah
diserahkan
apabila
dipinta

9. Sesiapa jua yang memiliki sebatang rekod awam hendaklah apabila dipinta secara bertulis oleh Pengarah, meraruhkannya dalam simpanan Arkib Negara Brunei Darussalam (sama ada rekod itu telah menjadi miliknya sebelum atau selepas lulusnya Akta ini).

Tiada seorang
pegawai pun
dalam mana-
mananya

10. (1) Tiada seorang pun boleh tanpa kebenaran Pengarah memusnahkan atau dengan secara lain membuat apa sahaja, atau membenarkan pemusnah atau perbuatan apa

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Arkib Negara Brunei Darussalam

PENG. 116

9

sahaja, kepada, mana-mana rekod awam yang di dalam miliknya atau di bawah kawalannya.

pejabat
Kerajaan
bolch
memusnah-
kan atau
membuat
seperti
terpada
rekod-rekod
awam tanpa
kebenaran
Pengarah

(2) Sesiajauh yang hendak memusnahkan atau membuat apa sahaja kepada atau membentarkan pemusnah atau perbuatan apa sahaja kepada mana-mana rekod awam hendaklah terlebih dahulu memberitahu Pengarah mengenai tujuan itu dan hendaklah di dalam pemberitahuan tersebut menentukan jenis rekod-rekod awam yang berkenaan itu.

(3) Pengarah bolch memeriksa sebarang rekod awam yang disebutkan di dalam mana-mana pemberitahuan di bawah ceraian (2) dan hendaklah jika ia mengkehendaki rekod-rekod awam itu diberikan kepadanya, memaklumkan orang yang membuat pemberitahuan itu mengenai kehendaknya; dan rekod-rekod awam itu hendaklah diberikan kepada Pengarah.

11. Pengarah bolch membentarkan pemusnah sebarang jenis rekod awam yang tertentu yang mana—

Pemusnah
rekod-rekod
awam

(a) olch sebab bilanganinya, jenis atau sifat biasanya tidaklah pada pendapatnya mempunyai sebarang nilai yang kekal untuk pemeliharaan sebagai arkib kerajaan; dan

(b) tidak dikkehendaki bagi maksud-maksud rujukan dalam mana-mana pejabat Kerajaan setelah tindakan ke atasnya selcsai atau selepas beberapa tahun daripada tarikh yang tindakan ke atasnya ialah selcsai sebagai mana yang bolch dipersetujui di antara Pengarah dan ketua Pentadbir bagi pejabat kerajaan itu.

12. Terakluk kepada penentuan di bawah mana sebarang rekod awam ada disediakan atau disimpan dalam Arkib Negara Brunei Darussalam arkib Kerajaan hendaklah di adakan untuk orang ramai bagi maksud rujukan atau penyelidikan, menurut mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

Orang ramai
boleh melihat
arkib
Kerajaan

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

10.

PENG. 116

Arkib Negara Brunei Darussalam

Salinan yang
ditutui bukti
rekod-rekod
zurum

Mewakilkan
kuasa.
Pengarah

- (3). Apa jua salinan rekod awam atau arkib, Kerajaan yang diakui oleh Pengarah sebagai salinan yang benar dari dokumen yang asal bolch diterima dalam mahkamah.
- (4). (1) Pengarah boleh dari masa ke semasa tertakluk kepada perentuan-perentuan yang ia bolch menentukan mewakilkan mana-mana kuasanya di bawah Akta ini, dan mana-mana orang terhadap siapa kuasa-kuasa itu diwakilkan bolch menjalankan kuasa-kuasa itu dengan cara yang sama dan kesan yang sama selah-solah kuaṣa-kuasa itu telah diberikan kepadanya oleh Akta ini.
- (2) Tiap-tiap orang yang dikatakan bertindak menurut perwakilan kuasa di bawah bab ini hendaklah, jika tiada bukti yang sebaliknya, dianggap sebagai bertindak menurut syarat-syarat perwakilan kuasa tersebut.
- (3) Sebarang perwakilan kuasa di bawah bab ini bolch dibuat kepada sesorang atau golongan orang dengan nama atau jawatan.
- (4) Tiap-tiap perwakilan kuasa di bawah bab ini bolch dibatalkan oleh Pengarah pada bilu-bila masa; dan perwakilan kuasa tersebut tidak akan menghalang Pengarah daripada menjalankan kuasa-kuasa yang diwakilkan.
15. (1). Tiada sesiapa pun bolch mencerbitkan atau membuat salinan keseluruhan atau mana-mana bahagian dari kandungan-kandungan mana-mana arkib atau rekod-rekod yang telah dipindahkan ke Arkib Negara Brunei Darussalam kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengurah.
- (2). Tiada sebarang upaya di dalam bab ini bolch dianggap sebagai menyentuh atau memperluaskan Akta berhubung dengan hak cipta.

Penerbitan
arkib
Kerajaan

16. Tiada sejapa pun bolch tanpa kebenaran berulis dari Pengarah mengambil atau menghantar keluar dari Negara Brunei Darussalam apa jua rekod awam atau arkib kerajaan.

Tiada
sejapa
pun
mengambil
atau
rekod-rekod
awam dan
arkib
kerajaan

17. Menteri Besar bolch membuat peraturan-peraturan untuk menjalankan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik lagi; dan dengan tidak mengurangkan makna peruntukan-peruntukan yang disebutkan tadi Menteri Besar bolch—

Peraturan-
peraturan

(a) menetapkan bayaran-bayaran yang akan dikenakan oleh Pengarah untuk membuat dan memperakui salinan-salinan sebarang arkib atau rekod di dalam Arkib Negara Brunei Darussalam;

(b) membuat peruntukan bagi mengecualikan dari bayaran pada keseluruhanya atau sebahagian dari mana-mana bayaran kerana membuat dan memperakui salinan-salinan sebarang arkib awam atau rekod-rekod awam di dalam Arkib Negara Brunei Darussalam;

(c) mengadakan syarat bagi pemeliharaan dan perlindungan arkib dan rekod-rekod di dalam Arkib Negara Brunei Darussalam serta tingkah laku pelawat-pelawat kecemasan itu;

(d) membuat peruntukan bagi apa jua yang bolch ditetapkan di bawah Akta ini.

18. Barangsiapa yang melanggar mana-mana peruntukan dari Akta ini adalah bersalah: Hukumannya denda sebanyak \$4,000 dan penjara selama 6 bulan.

Hukuman-
hukuman

19. Pengarah hendaklah dengan seberapa cepat yang bolch pada tiap-tiap tahun menyebabkan supaya dibuat dan dititarkan kepada Menteri satu penyata mengenai kegiatan-kegiatan Arkib Negara Brunei Darussalam dalam tahun yang lalu.

Penyata-
Tahunan